

13 MAR 2002

Duta-Jerman/I

TIBA MASANYA BAGI MALAYSIA TONJOLKAN DIRI DI JERMAN

Oleh: Muin Majid

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Malaysia perlu menggalakkan pemasaran pelbagai peluang pelaburan dan perniagaan di kalangan pelabur Jerman yang berpotensi, yang juga secara aktif cuba dipikat oleh negara-negara lain di rantau ini.

Duta Jerman ke Malaysia Juergen Staks berkata peluang sedemikian yang terdapat di negara ini kurang diketahui oleh rakan senegarannya dan begitu juga dengan tarikan pelancong di Malaysia.

Dalam hal ini, beliau berkata Malaysia sepatutnya berusaha dengan lebih lagi untuk menarik perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Jerman memandangkan terdapat banyak peluang yang mempunyai kelebihan di negara ini bagi perniagaan yang mereka ceburi seperti telekomunikasi berteknologi tinggi.

Beliau berkata demikian dalam satu temubual baru-baru ini sempena lawatan tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jerman mulai Isnin ini.

"Disebabkan oleh saiz dan belanjawan mereka, PKS Jerman akan pada mulanya melihat ke negara-negara Eropah Timur dan Russia yang kelihatan menarik pada masa sekarang bagi syarikat sedemikian," katanya.

Staks berkata Dr Mahathir perlu menjelaskan perkara berkenaan semasa beliau di Jerman bahawa lawatan seminggu ke Malaysia, umpamanya, akan membuah hasil bagi syarikat Jerman kerana pulangan yang diperolehi adalah lebih daripada memuaskan.

"Anda harus sedar bahawa persaingan, yang bukan sahaja di Asia malah juga di dunia, adalah tersangat kuat dan negara-negara lain yang dekat dan jauh dari Malaysia juga amat menarik kepada syarikat-syarikat Jerman," katanya.

Menurut kenyataan Wisma Putra, dalam lawatan rasmi pertama ke Jerman, Perdana Menteri dijadualkan melawat Munich dan Berlin di mana beliau akan menemui ketua-ketua perindustrian Jerman untuk mengubah kesangsian dan membetulkan maklumat salah yang mereka ketahui mengenai Malaysia.

Munich, ibu negeri Bavaria di selatan Jerman, merupakan kawasan perindustrian teknologi tinggi negara itu.

Kekuatan Bavaria juga terletak kepada strateginya untuk menarik PKS dalam syarikat perindustrian, multimedia dan perkhidmatan baru.

Forum Perniagaan Malaysia-Jerman akan berlangsung di Munich bertujuan memaklumkan mereka yang terlibat dalam perniagaan di Jerman, khususnya yang mewakili PKS, mengenai perdagangan dan pelaburan di Malaysia.

Dr Mahathir juga akan berpeluang "menjual" Malaysia sebagai sebuah syurga pelaburan semasa pertemuan dengan anggota-anggota Persekutuan Industri Jerman di Berlin.

Pelaburan semasa Jerman di Malaysia agak besar yang kira-kira RM6 bilion dengan 300 syarikat Jerman beroperasi di negara ini yang kebanyakannya dalam sektor elektronik, telekomunikasi, kejuruteraan, perubatan dan petrokimia.

Angka rasmi menunjukkan bahawa jumlah perdagangan dua hala ialah RM18.18 bilion pada 2001 dengan eksport Malaysia ke Jerman bernilai RM7.77 bilion dan import ialah RM10.41 bilion.

Staks berkata selain berniaga atau melabur, adalah penting bagi syarikat-syarikat Jerman menggabungkan aktiviti berkenaan dengan pemindahan teknologi, pendidikan dan pembangunan sumber manusia.

Beliau berkata ini berjaya dilakukan oleh Institut Jerman-Malaysia di Cheras dengan rakyat Malaysia yang mengikuti kursus-kursus di situ diambil

bekerja oleh firma-firma Jerman.

"Bagi syarikat-syarikat Jerman, sudah tentu penting untuk mengambil kesempatan terhadap tenaga buruh yang mempunyai standard tinggi, dan Malaysia boleh berbangga mempunyai tenaga buruh sedemikian," katanya.

Staks, yang mula bertugas di Malaysia pada Februari tahun lepas, menganggap hubungan dua hala antara Berlin dan Kuala Lumpur adalah "amat baik" dengan dialog berterusan diadakan di semua peringkat sama ada sektor awam atau swasta.

"Kita tidak mungkin boleh menjalankan tugas dengan baik di negara ini atau sebaliknya jika kita tidak saling memahami," katanya.

Staks berkata sudah tiba masanya bagi pemimpin kedua-dua negara bertemu untuk bertukar-tukar pandangan bukan hanya mengenai hubungan dua hala tetapi juga keadaan semasa serantau dan global.

Dr Mahathir mengadakan lawatan kerja ke Jerman 1988 dan 1998.

Bagi lawatan kali ini, beliau dijadualkan menemui Canselor Jerman Gerhard Schroder di Berlin dan membuka Kedutaan Malaysia di bandar raya bersejarah itu, yang menggantikan Bonn sebagai ibu negara Jerman pada 1999.

Selain itu, penduduk Jerman juga akan dapat menyaksikan pertunjukkan kebudayaan Malaysia apabila Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dijadualkan mengadakan persembahan di beberapa bandar raya di Jerman.

-- BERNAMA

MAM SD NHD NAK